



فجابه فر بندھارااں نكرى تر عانوا

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR.U/16/01/01/7-(50)

20 Mei 2024

11 Zulkaedah 1445

Seperti Senarai Edaran Berkembar

YBM Tengku/YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 4 TAHUN 2024
(GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN
BELANJAWAN TAHUN 2025)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pentadbiran ini telah mengeluarkan pekeliling sebagaimana di atas untuk panduan bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Belanjawan jabatan YBM Tengku/YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan tahun 2025. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui Laman Web Perbendaharaan Negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAWAWI BIN ABD. RAHMAN)

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

s.k.:- Bendahari Negeri
Terengganu

Pengarah Audit Negeri
Terengganu

Fail Timbul

09-6276283

suraiva@terengganu.gov.my

Dekstop/DekstopBajetPPNT/SuraiyaBelanjawan/Surat/Suratmenyurat/srtpkekelilingpenyediaanbajet

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

SENARAI EDARAN:-

1. Yang Berhormat Mulia
Setiausaha Kerajaan Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu
Tingkat 15, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu
2. Yang Berhormat
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
Tingkat 4, Wisma Darul Iman
20592 Kuala Terengganu
3. Sahibus Samahah
Dato' Mufti Negeri Terengganu
Jabatan Mufti Negeri Terengganu
Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Islam Terengganu
Jalan Sultan Mohamad
20676 Kuala Terengganu
4. Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu
Pejabat Tanah dan Galian Terengganu
Tingkat 7 & 11, Wisma Darul Iman
20576 Kuala Terengganu
5. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu
6. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
Pusat Pentadbiran Islam Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20676 Kuala Terengganu
7. Pengarah Kerja Raya Negeri
Jabatan Kerja Raya Terengganu
Tingkat 12, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
8. Pengarah Pengairan & Saliran Negeri
Jabatan Pengairan & Saliran
Tingkat 6, Wisma Negeri
20626 Kuala Terengganu
9. Pegawai Daerah Kuala Terengganu
Pejabat Daerah Kuala Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20692 Kuala Terengganu

10. Pegawai Daerah Kemaman
Pejabat Daerah Kemaman
24000 Kemaman
Terengganu
11. Pegawai Daerah Dungun
Pejabat Daerah Dungun
23000 Dungun
Terengganu
12. Pegawai Daerah Besut
Pejabat Daerah Besut
22200 Kampung Raja, Besut
Terengganu
13. Pegawai Daerah Hulu Terengganu
Pejabat Daerah Hulu Terengganu
21700 Hulu Terengganu
Terengganu
14. Pegawai Daerah Marang
Pejabat Daerah Marang
21600 Marang
Terengganu
15. Pegawai Daerah Setiu
Pejabat Daerah Setiu
22100 Permaisuri, Setiu
Terengganu
16. Pegawai Daerah Kuala Nerus
Pejabat Daerah Kuala Nerus
21200 Kuala Nerus
17. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu
Pejabat Tanah Kuala Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20692 Kuala Terengganu
18. Pentadbir Tanah Kemaman
Pejabat Tanah Kemaman
24000 Kemaman
Terengganu
19. Pentadbir Tanah Dungun
Pejabat Tanah Dungun
23000 Dungun
Terengganu
20. Pentadbir Tanah Besut
Pejabat Tanah Besut
22200 Kampung Raja, Besut
Terengganu

21. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu
Pejabat Tanah Hulu Terengganu
21700 Hulu Terengganu
Terengganu
22. Pentadbir Tanah Marang
Pejabat Tanah Marang
21600 Marang
Terengganu
23. Pentadbir Tanah Setiu
Pejabat Tanah Setiu
22100 Permaisuri, Setiu
Terengganu
24. Pentadbir Tanah Kuala Nerus
Pejabat Tanah Kuala Nerus.
21200 Kuala Nerus
25. Dato' Pengelola Bijaya DiRaja
Pejabat K.D.Y.M.M. Sultan Terengganu
Chendering, 20050 Kuala Terengganu
26. Pengarah Perancangan Bandar & Desa
Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri
Tingkat 4, Wisma Negeri
20646 Kuala Terengganu
27. Pengarah Pertanian Negeri
Jabatan Pertanian Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Negeri
20632 Kuala Terengganu
28. Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu
Peti Surat 203, Jalan Bukit Kecil
20720 Kuala Terengganu
29. Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu
Tingkat 8, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
30. Pengarah Kebajikan Masyarakat
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
Tingkat 1, Wisma Negeri
20564 Kuala Terengganu
31. Setiausaha Sulit Kanan Kepada
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu
Pejabat Menteri Besar Terengganu
Tingkat 16, Wisma Darul Iman
20502 Kuala Terengganu

32. Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Pejabat Dewan Undangan Negeri
Tingkat U2, Blok Podium, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
33. Pengarah
Jabatan Pendakwaan Syariah Terengganu
Aras 3, Lot PT 60265, Unit 15
Dataran Alamanda
20000 Kuala Terengganu
34. Pengarah Mineral dan Geosains
Jabatan Mineral dan Geosains Terengganu
Lot PT3102K, Jalan Sultan Sulaiman
20000 Kuala Terengganu
35. Pengarah Bekalan Air Terengganu
Jabatan Bekalan Air
Tingkat 2, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
36. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
Tingkat 7, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu

SENARAI EXCO NEGERI TERENGGANU:-

1. Pengerusi J/K Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
2. Pengerusi J/K Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
3. Pengerusi J/K Pertanian, Industri Asas Tani , Keterjaminan Makanan dan Komoditi
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
4. Pengerusi J/K Penerangan, Dakwah Dan Pemerkasaan Syariah
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
5. Pengerusi J/K Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
6. Pengerusi J/K Pembangunan Belia, Sukan Dan NGO
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
7. Pengerusi J/K Keusahawanan, Sumber Manusia, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
8. Pengerusi J/K Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Perpaduan Nasional
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
9. Pengerusi J/K Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
10. Pengerusi J/K Ekonomi Digital, Pendapatan Baharu, Perdagangan, Perindustrian dan Teknologi Hijau
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI TERENGGANU

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Tingkat 4-8, No.88, Menara Permint
Jaan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu

2. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kemaman
Jalan Air Putih
24000 Kemaman, Terengganu

3. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Dungun
Jalan Yahya Ahmad
23000 Dungun, Terengganu

4. Yang Dipertua
Majlis Daerah Besut
Kg. Raja
22200 Besut, Terengganu

5. Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Terengganu
Kg. Rahmat
21700 Hulu Terengganu

6. Yang Dipertua
Majlis Daerah Marang
21600, Marang, Terengganu

7. Yang Dipertua
Majlis Daerah Setiu
22100 Bandar Permaisuri, Setiu,
Terengganu

BADAN BERKANUN NEGERI TERENGGANU

1. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
2. Pengarah
Yayasan Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu.
3. Pengarah Perpustakaan Awam
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran
21572 Kuala Terengganu.
4. Pengarah
Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu.
5. Ketua Eksekutif
Kolej Al-Quran Terengganu (KQT)
Padang Midin
21400 Kuala Terengganu, Terengganu.
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU)
Pusat Dagangan Terengganu (TTC)
Padang Hiliran, Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu, Terengganu.
7. Pengarah Muzium
Lembaga Muzium Negeri Terengganu
Bukit Losong
20566 Kuala Terengganu.
8. Pengarah
Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT)
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
9. Pengarah
Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT)
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.

PELBAGAI AGENSI NEGERI TERENGGANU

1. Rektor
TATI Universiti College (TATIUC)
Telok Kalong
24000 Kemaman, Terengganu.
2. Ketua Pegawai Eksekutif
Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC)
Kawasan Perindustrian Bukit Kor
21600 Marang, Terengganu.
3. Ketua Pegawai Eksekutif
Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT)
Kampong Laut, Chendering
21080 Kuala Terengganu.
4. Ketua Pegawai Eksekutif
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)
No. Lot PT 23486 & PT 3942
Jalan Kemajuan
20300 Kuala Terengganu
5. Setiausaha
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)
No. 61 & 62, Tingkat 1-3,
Paya Keladi, Jalan Banggol,
20100 Kuala Terengganu, Terengganu.
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Terengganu Timber Industry Training Centre (TTITC)
Kg Teris
21700 Kuala Berang, Terengganu.



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 4 TAHUN 2024

Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Negeri
Terengganu

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2025**

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memberi panduan dalam menyediakan cadangan anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Negeri Terengganu bagi tahun 2025.

SENARIO EKONOMI DAN FISKAL NEGARA

2. Ekonomi global diunjur berkembang sebanyak 3% hasil daripada pertumbuhan sederhana dalam kalangan ekonomi maju dan EMDE. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.4% seterusnya mempengaruhi pertumbuhan global.

3. Menurut Bank Negara Malaysia, Ekonomi Malaysia diunjur tumbuh di antara 4.0% dan 5.0% pada 2024, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran. Pelancongan dijangka akan terus pulih, lantas mengukuhkan ekonomi, sementara aktiviti pelaburan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek yang sedia ada dan projek baru yang memakan tahun yang dijalankan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada 2024, dengan perbelanjaan isi rumah diunjurkan akan berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding tahun 2023 disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang semakin baik berikutan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi dan bantuan bersasar oleh kerajaan. Kebanyakan sektor diunjurkan berkembang pada 2024, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan.

SENARIO EKONOMI NEGERI

4. Pada tahun 2022, nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Terengganu berjumlah RM37.3 bilion berbanding RM35.2 bilion pada tahun 2021, menunjukkan peningkatan sebanyak 5.9% (2021: 3.7%), (Carta 2.1). Sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Terengganu iaitu sebanyak 51.7% manakala sektor Pembuatan dan sektor Pertanian masing-masing menyumbang 37.7% dan 7.0%. Bagi sektor Pembinaan dan sektor Perlombongan & pengkuarian pula, masing-masing menyumbang 3.1% dan 0.5%.

5. Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memastikan kecekapan perbelanjaan awam dilaksanakan dengan baik serta memaksimumkan pendapatan negeri daripada segala sumber melalui pelbagai jabatan dan agensi negeri yang bertindak sebagai medium penting di dalam usaha Kerajaan Negeri mendepani cabaran ekonomi semasa.

DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2025

6. Belanjawan 2025 pada kali ini akan menjadi satu dasar fiskal kerajaan negeri yang paling mencabar berbanding tahun-tahun sebelumnya. Prestasi hasil negeri yang menurun pada Tahun 2023 dan suku kedua 2024 disifatkan sebagai di luar jangkaan dan mempengaruhi agenda pembangunan negeri baik dari segi sosial mahupun infrastruktur, termasuk Belanjawan 2025 yang bakal dibentangkan pada November Tahun 2024. Ianya perlu mengambilkira cabaran-cabaran dan ketidaktentuan dalam banyak perkara yang berada di luar kawalan khususnya dalam penurunan kutipan hasil kerajaan melibatkan pemberian bukan hasil daripada Kerajaan Persekutuan. Dua fokus utama yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua jabatan/agensi ialah meningkatkan pendapatan kerajaan dan mengawal perbelanjaan agar lebih berhemah.

7. Jabatan/agensi digalakkan untuk mengenalpasti dan mencadangkan usaha-usaha untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri termasuklah mengenalpasti sumber hasil baharu, memperkemas kaedah kutipan hasil, mengurangkan tunggakan kutipan hasil dan mempercepatkan kutipan hasil di samping menyusun semula peruntukan dan mencadangkan penjimatan peruntukan mengurus bagi membolehkan Kerajaan Negeri mencapai sasaran sekurang-kurangnya **20% penjimatan daripada peruntukan mengurus yang diluluskan dalam Buku Belanjawan tahun 2024 kecuali perbelanjaan emolumen (11000, 12000, 13000, 17000, 29301, 29302, 29303 dan 29306), utiliti (23000), bayaran berkontrak (24000, 28000 dan 29000) dan perolehan kenderaan/harta modal (34000 dan 35000)**. Kerangka penyediaan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 juga hendaklah memberi tumpuan kepada *core business* jabatan/agensi.

8. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa Penyediaan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2025:

- i. Melaksanakan kawalan dalaman yang lebih ketat;

- ii. Menilai semula keperluan peruntukan;
- iii. Melaksanakan kawalan perbelanjaan dengan rapi mengikut peraturan ditetapkan;
- iv. Perbelanjaan awam perlulah dilaksanakan dengan berhemat, bersederhana dan selari dengan keperluan sebenar bagi mengurangkan komitmen kewangan kerajaan serta mengelakkan pembaziran sumber;
- v. Mengurangkan perbelanjaan yang kurang kritikal dengan memansuhkan program yang tidak kritikal manakala bagi program-program yang benar-benar perlu hendaklah dilaksanakan di dalam skala yang lebih kecil; dan
- vi. Meningkatkan hasil Negeri.

9. Pegawai Pengawal hendaklah melaksanakan langkah berjimat cermat dengan dimulakan di peringkat perancangan lagi, mengurangkan perbelanjaan kepada tahap sebenar dan optimum dan membuat penilaian tahap keberkesanan kos (*cost effective*) dengan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Kaedah pengurusan nilai (*value management*) perlu diterapkan dalam pengurusan program/projek bermula dari peringkat awal lagi bagi mencapai *value for money*.

10. Pegawai Pengawal diminta mengambil langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (*outcome*) dalam melaksanakan sesuatu program/projek. Oleh itu dalam merancang dan melaksanakan sesuatu program/projek, penekanan hendaklah diberikan kepada impak dan keberkesanannya berbanding mementingkan perbelanjaan dan output supaya menepati konsep *Outcome Based Budgeting* (OBB).

11. Pegawai Pengawal juga hendaklah memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang benar-benar penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan rakyat serta pada masa yang sama mengelakkan berlakunya pembaziran dan ketirisan. Semua perancangan dan **pelaksanaan program/projek hendaklah yang benar-benar perlu sahaja**, yang merupakan tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri dan mampu memberi impak langsung serta maksimum kepada rakyat.

12. Bagi mencapai matlamat untuk mengurus perbelanjaan dengan secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berasaskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memberi *value for money*, Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan masih berkuat kuasa bagi mengawal perbelanjaan awam seperti **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.1 Tahun 2024 (Anggaran Perbelanjaan Tahun 2024) para 6 Kawalan Penjimatan Perbelanjaan Awam;**
- ii. Menilai, mengubahsuai dan menyusun semula program/projek berdasarkan keutamaan semasa, mengelak pertindihan program/projek dengan jabatan/agensi persekutuan dan menghentikan program/projek yang didapati tidak lagi sesuai;
- iii. Memberi penekanan kepada penjimatan dalam penggunaan utiliti dan pelaksanaan aktiviti yang tidak kos efektif;

- iv. Mengambil kira penyelenggaraan aset termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan serta implikasi kewangan lain yang menjurus kepada perbelanjaan berulang (belanja pengurusan) selepas sesuatu program/projek siap;
- v. Mengambil kira faktor kewangan dan keupayaan untuk melaksanakan program dan aktiviti oleh jabatan/agensi; dan
- vi. Mematuhi setiap tatacara dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

13. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan cadangan Anggaran Hasil Tahun 2025 berdasarkan jumlah hasil yang seboleh-bolehnya tepat dan sebenarnya boleh dikutip. Kemasukan data perlu mengikut kod hasil yang tepat. Anggaran yang disediakan hendaklah mempunyai perkiraan terperinci dan justifikasi kepada peningkatan atau penurunan berbanding tahun sebelum. Untuk tujuan ini, cadangan hasil boleh disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Meneliti dan membuat perbandingan rekod prestasi kutipan hasil tiga (3) tahun ke belakang;
- ii. Mengambil kira perubahan kadar, peraturan atau dasar yang diputuskan oleh Pentadbiran Negeri atau mana-mana kutipan hasil yang diperuntukkan kepada negeri melalui perundangan;
- iii. Menilai keberkesanan usaha-usaha dan strategi bagi meningkatkan kutipan hasil semasa dan tunggakan tahun-tahun sebelum; dan

- iv. Membuat pemutihan data hasil serta tunggakan hasil bagi memastikan laporan yang disediakan adalah tepat.

14. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberikan asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya dalam menentukan jumlah setiap jenis hasil yang sepatutnya dipungut.

15. Cadangan Anggaran Hasil 2025 yang disediakan oleh setiap jabatan akan memberi kesan ke atas kelulusan permohonan anggaran perbelanjaan mengurus 2025 jabatan berkenaan.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

16. **Kaedah Batas Perbelanjaan (Expenditure Target – ET) yang diluluskan dalam Belanjawan 2024 bagi setiap jabatan adalah digunakan bagi Belanjawan 2025 tetapi akan disemak semula dari semasa ke semasa dalam usaha mengurangkan perbelanjaan kerajaan di samping memastikan aktiviti dalam ekonomi berterusan.**

17. Keperluan tambahan peruntukan bagi menampung kenaikan emolumen dan keperluan yang lain hendaklah diambil daripada penyelarasan semula peruntukan Osol yang lain atau penjimatan melalui pemansuhan atau pengecilan skop program/aktiviti sedia ada. Dalam hubungan ini Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada had cadangan perbelanjaan yang ada.

18. Peruntukan emolumen tidak perlu disediakan bagi jawatan yang baru dipohon atau jawatan kosong yang belum pasti pengisiannya.

19. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak, berjadual dan pukal setelah semakan semula ke atas skop dan kadar dilaksanakan.

20. Memastikan peruntukan emolumen dikira secukupnya termasuk bagi pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah Osol 29000. Peruntukan bagi caruman PERKESO dan KWSP kepada pegawai/kakitangan kontrak perkhidmatan hendaklah dimasukkan kira di bawah Osol 29303 untuk mengelakkan berlaku tunggakan pembayaran.

21. Cadangan pembelian aset di bawah Osol 30000 hanya dibenarkan untuk PTJ berikut:

BIL	OSOL	PERIHAL	PTJ
1	32000	Bangunan Dan Pembaikan Bangunan	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Khidmat Pengurusan) ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
2	33000	Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan	i) Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu
3	34000	Kenderaan Dan Jentera	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Khidmat Pengurusan) ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (Unit Belanjawan)
4	35000	Harta Modal	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat) ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
5	36000	Haiwan, Pokok dan Benih	i) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu ii) Jabatan Pertanian Negeri Terengganu iii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (Unit Belanjawan)

6	39000	Aset Tak Ketara	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat) ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
PTJ lain hendaklah mengisi token RM10.00 sahaja bagi satu (1) Objek Lanjut kecuali Osol 33000, 36000 dan 39000.			

22. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) diminta mewujudkan Osol baru berdasarkan keperluan jabatan dengan menyediakan token sebanyak RM10.00 bagi tujuan pindah atau penyaluran peruntukan apabila diperlukan.

23. Peruntukan di bawah Osol 40000 Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap hanya dibenarkan untuk PTJ berikut:

BIL	OSOL	PERIHAL	PTJ
1	41000	Biasiswa, Dermasiswa Dan Bantuan Pelajaran	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Khidmat Pengurusan) ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (Unit Belanjawan) iii) Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu
2	42000	Pemberian Dalam Negeri	Semua PTJ dikehendaki memasukkan anggaran perbelanjaan munasabah untuk mengelak berlaku tiada peruntukan
3	43000	Pemberian Luar Negeri	i) Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (Unit Belanjawan)
4	44000	Tuntutan Insurans Dan Pampasan	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia) ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu iii) Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu dan Pejabat Tanah

			dan Galian Negeri Terengganu perlu mengisi token RM10.00 sahaja
5	45000	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain	i) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (Unit Belanjawan)
6	46000	Pencen	i) Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu ii) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (Unit Belanjawan) iii) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu iv) Jabatan Mufti Negeri Terengganu
7	47000	Ganjaran	Semua PTJ dikehendaki memasukkan anggaran perbelanjaan munasabah untuk mengelak berlaku tiada peruntukan
8	48000	Gantian Cuti Rehat	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia) ii) PTJ selain di atas perlu mengisi token RM10.00 sahaja.

24. Semua permohonan peruntukan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 1.1: Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 10 Tahun 2017: Carta Asas Akruan supaya olahan perakaunan transaksi dapat diakaunkan dengan tepat dan teratur.

25. Semua cadangan peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah dimasukkan ke dalam permohonan cadangan belanjawan. Program/aktiviti baru ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)/Jawatankuasa Tertinggi Negeri terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan Negeri. Penjelasan/justifikasi lengkap hendaklah dikemukakan menggunakan format yang disediakan. Setiap program perlu ada ringkasan program, objektif, sasaran

penggunaannya dan impak kepada golongan sasaran. Justifikasi adalah termasuk kelulusan MMKN atau keputusan-keputusan lain oleh Kerajaan Negeri.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

26. Dengan mengambil kira kemampuan sebenar dan usaha ke arah menguruskan defisit secara lebih berkesan, arahan/panduan dan siling bagi anggaran peruntukan pembangunan 2025 akan ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). **Usaha yang lebih gigih perlu dibuat bagi memastikan lebih banyak pelaburan melalui kaedah *Private Funding Initiative (PFI)* dilaksana di Negeri Terengganu. Konsep *'Let Managers Manage'* amatlah bertepatan dalam menentukan keutamaan projek.**

27. Penyediaan Belanjawan Pembangunan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan oleh UPEN yang dipertanggungjawabkan untuk menimbang, menyelaras dan meluluskan cadangan projek-projek pembangunan. Kaedah-kaedah seperti bayaran tertangguh (*deferred*)/berjadual (*scheduled*) hendaklah dikenalpasti dan dibuat unjuran supaya tidak melebihi jumlah peruntukan setiap tahun. Bagi projek yang telah diluluskan di bawah kaedah bayaran tertangguh (*deferred*)/berjadual (*scheduled*), peruntukan perlu disediakan dalam belanjawan 2025 (sekiranya bayaran telah ditetapkan pada tahun 2025). **Dalam meneliti dan menilai sesuatu projek, UPEN hendaklah mengambil kira bayaran projek-projek yang telah komited oleh pihak Kerajaan Negeri. Pihak UPEN akan mengeluarkan arahan dan panduan bagi menentu arah dan melaksanakan Belanjawan Pembangunan Tahun 2025.**

28. Pegawai Pengawal perlu mengenalpasti dan membuat penyelarasan dengan pihak Kementerian/Kerajaan Persekutuan berkait peruntukan projek-projekkecil yang turut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri supaya diselaraskan menggunakan peruntukan di bawah Kerajaan Persekutuan.

29. Cadangan projek pembangunan hendaklah selari dengan dasar semasa Kerajaan Negeri dan hendaklah memberi keutamaan kepada projek-projek yang telah komited dan yang memerlukan kerja sambungan bagi menyiapkan projek-projek berkenaan. Jabatan-jabatan yang mengendalikan projek hendaklah memastikan bahawa hanya projek berimpak tinggi dengan faedahnya terus kepada rakyat dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi diberi keutamaan.

PERJAWATAN DAN PENGGUNAAN SUMBER MANUSIA

30. Penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam perlu diurus secara cekap dan sentiasa ditambahbaik bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Antara perkara yang boleh dilaksana bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia ialah:

- i. Menyusun semula struktur organisasi dengan mengukuhkan perjawatan;
- ii. Menyusun semula (*redeployment*) dan tukar ganti (*trade-off*) perjawatan sedia ada sama ada menggunakan sumber dalaman jabatan ataupun antara jabatan/agensi (*cross agency*);
- iii. Menstruktur jabatan untuk lebih fleksibel serta lebih fokus kepada fungsi teras dengan perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras pula dikenal pasti untuk dialih daya atau dihapuskan;
- iv. Mengukuhkan perjawatan dengan menyusun fungsi perkhidmatan bagi mengelak pertindihan, merekayasa proses kerja dengan cekap; dan
- v. Pengisian perjawatan hendaklah berasaskan kepada kesesuaian, keupayaan dan kompetensi pegawai bagi menghasilkan output

maksimum selari dengan objektif penubuhan organisasi dan memberi nilai faedah terbaik kepada kerajaan.

PENYERAHAN PERMOHONAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2025

31. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Justifikasi Bagi Peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* dalam Cadangan Belanjawan Mengurus 2025 serta penyediaan Data Belanjawan dan Anggaran Hasil dalam format borang sebagaimana di Lampiran **ABM, ABM(a), AMB 1 hingga ABM 22, AH 1 dan AH 2** secara *softcopy* ke alamat e-mel belanjawan2025@terengganu.gov.my dan satu (1) salinan *hardcopy* kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu sebelum atau pada **10 Jun 2024 (Isnin)**.

32. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Cadangan Belanjawan 2025 dikemukakan dengan lengkap dan menepati kehendak urusetia belanjawan sebagaimana format borang sebelum tarikh tersebut bagi mengelakkan kesulitan. PTJ yang tidak mematuhi arahan ini akan menghadapi risiko peruntukan mereka tidak dipertimbangkan atau diberi peruntukan menurut budi bicara Perbendaharaan Negeri.

PENUTUP

33. Di dalam proses penyediaan belanjawan, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap teguran audit yang dibangkitkan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran tersebut agar ketidakpatuhan yang sama tidak berulang pada masa hadapan serta syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri bagi membolehkan usaha penambahbaikan serta langkah penjimatan dilaksanakan yang dapat membantu penyediaan permohonan belanjawan yang lebih berhemat.

34. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan teliti dan telus bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan. Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan mengikut keutamaan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber seterusnya mengelakkan pembaziran yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.

35. Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan belanjawan mengikut arahan dan peraturan serta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pekeliling ini. Setiap jabatan/agensi perlu membuat pengorbanan ke atas belanjawan jabatan masing-masing. Perbendaharaan Negeri juga akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk memulihkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NARA SETIA)

Pegawai Kewangan Negeri

Terengganu.

20 Mei 2024

11 Zulkaedah 1445H

s.k.:

YBM Setiausaha Kerajaan Terengganu

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB. Menteri Besar Terengganu

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Semua Badan-Badan Berkanun Negeri Terengganu

Bendahari Negeri Terengganu

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK

BIL	LAMPIRAN	SENARAI	SEMAKAN
1	Format ABM	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus	
2	Format ABM(a)	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus	
3	Format ABM 1	Anggaran Perbelanjaan Emolumen Mengikut Perjawatan	
4	Format ABM 2 hingga ABM 22	Butiran Anggaran Perbelanjaan Dan Justifikasi Keperluan: Objek Sebagai: 23000, 24000, 25000, 26000, 27000, 28000, 29000, 32000, 33000, 34000, 35000, 36000, 39000, 41000, 42000, 43000, 44000, 45000, 46000, 47000 dan 48000	
5	Format AH 1	Ringkasan Hasil Mengurus Mengikut Kod Hasil	
6	Format AH 2	Butiran Hasil Mengurus Mengikut Objek Lanjut dan Justifikasi Peningkatan dan Penurunan Hasil	